



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU) BIL: 11/2013/2014

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.2	Mesyuarat diminta meniadakan kelas atau kelas gantian bagi Pegawai Mara yang mengikuti program pengajian secara sepenuh masa di luar waktu bekerja. Kelas atau kelas gantian yang diadakan selain daripada masa tersebut perlu mendapat kebenaran khas daripada MARA. Selain itu, kelas hendaklah mengikut jadual pengajian yang telah disusun pada awal semester dan kelas gantian hendaklah diminimumkan. Kelas gantian juga perlu mendapat persetujuan MARA sekurang-kurangnya dua minggu sebelum kelas diadakan.	Tindakan : TD (A)	Fakulti telah mengambil maklum.
1.3	Mesyuarat dimaklumkan bahawa masih terdapat banyak tuntutan GA (<i>Graduate Assistant</i>) yang tidak dituntut. Fakulti boleh mendapatkan senarai nama pelajar yang tidak membuat tuntutan daripada SPS. Selain itu, fakulti juga diingatkan bahawa pelajar yang mendapat biasiswa MyPhD tidak boleh di lantik sebagai <i>Graduate Assistant</i> kerana pelajar dibayar elaun, manakala pelajar yang mendapat MyMaster boleh dilantik sebagai <i>Graduate Assistant</i> kerana hanya yuran pengajian sahaja yang ditaja.	Tindakan : TD (A)	Fakulti telah mengambil maklum.

1.4	Mesyuarat dimaklumkan bermula daripada tahun 2013, wang tajaan MARA untuk yuran pengajian tidak dibayar kepada Universiti tetapi dikreditkan terus ke dalam akaun pelajar. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk membayar yuran pengajian kepada Bendahari UTM. Selain itu, salinan keputusan peperiksaan Pegawai MARA hendaklah dikemukakan kepada pegawai Bahagian Sumber Manusia, MARA sebaik sahaja keputusan diperolehi mengikut semester di sepanjang tempoh pengajian.	Tindakan : TD (A)	Fakulti telah mengambil maklum.
1.10	Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat JAPSU yang terakhir sebelum tarikh akhir menghantar Notis Hantar Tesis akan diadakan pada 12 Ogos 2014. Sekiranya terlepas tarikh Mesyuarat JAPSU, pelajar tidak dapat menghantar tesis pada semester ini. Tarikh akhir penghantaran tesis ialah pada 28 Ogos 2014.	Tindakan : TD (A)	Fakulti telah mengambil maklum.
1.11	Pengerusi memaklumkan, Universiti akan menawarkan kursus yang telah disemak kurikulumnya pada sesi yang akan datang. Pendaftaran kursus empat (4) digit akan dibincangkan dengan Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) dan fakulti pula diminta menyemak nama kursus dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan berpandukan kertas kerja yang asal. Fakulti juga diminta untuk mengemaskini cara penawaran di laman web. Nama program perlu dinyatakan dengan betul dengan merujuk panduan menulis nama program yang telah diemelkan sebelum ini oleh Encik Mohd Fathi bin Sariman.	Tindakan : TD (A)	Fakulti telah mengambil maklum.

6.1	RAYUAN TARIKH PEMBETULAN TESIS PELAJAR TAMAT TEMPOH - MOHD DZULHAFIZI MOHD USMAN (FKE) Mesyuarat dimaklumkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) bahawa seorang pelajar telah memohon untuk membuat rayuan bagi melanjutkan tarikh akhir penyerahan pembedulan tesis daripada 1 Julai 2014 kepada dua bulan berikutnya. Mesyuarat meminta supaya fakulti membuat minit bebas untuk perakuan JAPSU.	Tindakan : TD (A) FKE	Pelajar telah menghantar tesis pada 20 Julai 2014.
-----	--	------------------------------	---